



14 FEB, 2026

Kunjungan korporat TNB ke Media Prima

Harian Metro, Malaysia



Kunjungan korporat
TNB ke Media Prima

Kuala Lumpur: Media Prima Bhd (MPB) menerima kunjungan korporat daripada Tenaga Nasional Bhd (TNB) bagi mengeratkan hubungan strategik antara kedua-dua pihak.

Kunjungan TNB terdiri daripada pihak pengurusan kanannya yang diketuai oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Megat Jalaluddin Megat Hassan.

Kehadiran pihak TNB disambut pengurusan kanan MPB yang diketuai Pengarah Urusan Kumpulan MPB, Datuk Rafiq Razali dan pengurusan kanan ter-

tinggi syarikat itu.

Dalam lawatan berkenaan, delegasi TNB dibawa ke MPB Audio, studio berita, KLIK dan unit editorial *The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP)*.

Menerusi lawatan dua jam itu, kedua-dua delegasi turut meluang masa berbincang secara santai bagi memperkukuhkan hubungan korporat.

Turut hadir, daripada Media Prima ialah Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Rosli Sabarudin; Ketua Pegawai Operasi Media Prima Omnia, Stephanie Wong, Ketua

Pegawai Operasi Rev Media Group, Nicholas Sagan, Ketua Pegawai Operasi Big Tree, Fariz Mustafa, Pengarang Kumpulan Berita dan Hal Ehwal Semasa (NCA) Rangkaian Televisyen, Azhari Muhidin serta beberapa lagi pengurusan kanan kumpulan.

Delegasi TNB pula termasuk Ketua Rumusan Perniagaan Global, Datuk Azmi Md Yusof, Ketua Pegawai Risiko, Mohamed Azrin Mohamed Ali dan Ketua Kumpulan Komunikasi Korporat, Samsul Ariffin Zainudin.



MEGAT Jalaluddin (enam dari kiri) bersama Rafiq (tujuh dari kiri) bersama pengurusan kanan lawatan korporat TNB di Balai Berita, semalam. - Gambar NSTP/NABILA ADLINA AZAHARI